

## GARIS PANDUAN MENGISI BORANG 1B

1. **Sila baca dengan teliti** dan semua ruangan yang berkaitan hendaklah **diisi dengan lengkap**.
2. **Sebarang kesilapan dalam pengisian borang ini** boleh menyebabkan permohonan anda **ditolak**.
3. **Anda** hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa anda **merupakan seorang pemilih berdaftar**.
4. **Untuk** mengisi maklumat berhubung Bahagian Pilihan Raya, anda boleh menyemak maklumat tempat pendaftaran anda di laman-web SPR di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)

### **Bahagian A**

- (i) Nama penuh hendaklah diisi dengan HURUF BESAR mengikut nama seperti dalam Kad Pengenalan.
- (ii) Isikan nombor Kad Pengenalan dan nombor Pasport anda.
- (iii) Isikan nombor telefon bimbit dan nombor telefon anda yang lain yang boleh dihubungi.
- (iv) Isikan alamat emel anda dan nombor faks (jika ada).

### **Bahagian B**

- (i) Isikan alamat tetap anda di luar negara dengan lengkap.
- (ii) Isikan nama bandar dan negara di mana Pejabat Perwakilan Malaysia berada kerana sampul-sampul dan kertas undi anda akan dihantar ke Pejabat Perwakilan Malaysia yang dinyatakan. Anda dinasihatkan agar menyemak maklumat Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara di laman sesawang SPR di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) sebelum mengisi maklumat di ruangan berkenaan.
- (iii) Isikan bahagian Parlimen dan Negeri di mana anda berdaftar sebagai pemilih.
- (iv) Nyatakan negara anda tinggal dan sebab mengapa anda tinggal di negara berkenaan.
- (v) Isikan tarikh-tarikh anda pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh pembubaran Parlimen/Dewan Undangan Negeri (DUN) yang sedang berkuatkuasa.
- (vi) Isikan jumlah keseluruhan (hari) anda kembali atau berada di Malaysia dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh pembubaran Parlimen/DUN yang sedang berkuatkuasa.
- (vii) Isikan tarikh permohonan dan turunkan tandatangan anda di dalam ruangan yang berkaitan.

### **Bahagian C**

Bahagian ini **TIDAK PERLU DIISI**

### **Bahagian D**

Bahagian ini **TIDAK PERLU DIISI**